

PERNIAGAAN DIGITAL

- Aktiviti ekonomi berdasarkan penggunaan teknologi digital.
- Sebarang transaksi perdagangan yang dijalankan menerusi teknologi digital walaupun pembayaran dan penghantaran berkaitan transaksi tersebut dilakukan secara fizikal.

Individu / Syarikat yang menjalankan Perniagaan Digital boleh dikenakan cukai pendapatan di Malaysia berdasarkan Akta Cukai Pendapatan 1967.

TANGGUNGJAWAB PEMILIK PERNIAGAAN DIGITAL

1. **DAFTAR** Nombor Pengenalan Cukai (TIN)
2. **LAPOR** semua sumber pendapatan diterima termasuk Perniagaan Digital
3. **BAYAR** cukai

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada Sepintas e-Buku HASiL di <https://mytax.hasil.gov.my>.

1. BORANG NYATA TERPINDA (BNT)

Pembayar cukai dibenarkan membuat pindaan sendiri (self-amendment) ke atas maklumat atau taksiran dalam Borang Nyata dengan mengemukakan BNT dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata. Pindaan adalah disebabkan :

- Pendapatan berkurang lapor / tidak lapor;
- Perbelanjaan / tuntutan lain yang melebihi tuntutan; atau
- Elaun modal / insentif / pelepasan yang melebihi tuntutan.

Pengemukaan BNT yang lengkap boleh dibuat secara :-

i. Manual :

Dihantar ke lokaliti HASiL yang mengendalikan fail cukai pendapatan masing-masing

ii. e-Filing :

Melalui MyTax, <https://mytax.hasil.gov.my> > klik e-Filing > klik e-Borang > pilih e-BNT C (Nota: Untuk pembayar cukai syarikat sahaja)

Sila rujuk Garis Panduan Operasi Borang Nyata Terpinda di Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > klik Perundangan > pilih GPHDN 1/2020 – Prosedur Pengemukaan Borang Nyata Terpinda di bawah Garis Panduan Operasi.

2. SEWA : PENDAPATAN BIASA ATAU PERNIAGAAN ?

Sekiranya anda :

- Menyewakan harta tanah TANPA menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan atau perkhidmatan sokongan secara komprehensif dan aktif; atau
- Menyewakan harta tanah dan perkhidmatan penyelenggaraan atau perkhidmatan sokongan HANYA TERBIT SECARA PASIF disebabkan pemilikan harta tanah tersebut;

sewa ini dianggap **pendapatan bukan perniagaan** dan dikenakan cukai di bawah Perenggan 4(d), Akta Cukai Pendapatan 1967.

Jika sebaliknya, sewa tersebut tertakluk di bawah Perenggan 4(a) dalam akta yang sama, dan diklasifikasikan sebagai **pendapatan perniagaan**.

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > klik Ketetapan Umum No.12/2018 di bawah menu Perundangan.

3. PINDAAN CP500

Permohonan meminda amaun ansuran anggaran cukai (CP500) boleh dibuat dengan menggunakan Borang CP502. Borang yang lengkap perlu dikemukakan ke lokaliti HASiL yang mengendalikan fail pembayar cukai selewat-lewatnya 30 Jun.

Borang CP502 ini boleh diperolehi di Portal Rasmi HASiL, <http://www.hasil.gov.my> > klik Borang > klik Muat Turun Borang dan pilih Lain-lain Borang.

4. MAKLUMAN PERPINDAHAN PEJABAT SATELIT LANGKAWI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (HASiL)

HASiL ingin memaklumkan bahawa Pejabat Satelit Langkawi telah beroperasi di premis baharu mulai pada 9 April 2023 di alamat berikut:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Pejabat Satelit Langkawi Kompleks Pekan Rabu
Aras 1, Sayap A
Persiaran Putra, 07000 Kuah
Langkawi, Kedah

No. Telefon: 04-9693633/ 04-9693631/ 04-9660739 No. Faks: 04-9693632

WASPADA DENGAN SCAMMER :

PEMBAYAR CUKAI DISARANKAN UNTUK TIDAK MEMBERIKAN MAKLUMAT PERIBADI SEPERTI NOMBOR KAD PENGENALAN, NOMBOR AKAUN BANK ATAU NOMBOR OTP (ONE-TIME PASSWORD) KEPADA PIHAK YANG TIDAK DIKENALI. SILA RUJUK DENGAN HASiL BAGI URUSAN PERCUKAIAN ANDA.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.